



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## **KENYATAAN MEDIA**

### **LAPORAN MEDIA MENGENAI STATUS PULAU SEBATIK TIDAK TEPAT DAN TIDAK SELARAS REKOD RASMI**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) merujuk kepada laporan akhbar bertarikh 15 April 2026 yang bertajuk “**127.3 hektar Pulau Sebatik kini milik Indonesia**”. NRES ingin menegaskan bahawa kenyataan tersebut adalah tidak tepat serta tidak selaras dengan rekod rasmi yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia.

Untuk makluman, penentuan sempadan darat di Pulau Sebatik adalah berasaskan kepada *Boundary Convention 1891* yang telah ditandatangani antara Kerajaan British dan Kerajaan Belanda pada 20 Jun 1891. Berdasarkan Artikel IV perjanjian tersebut, jajaran sempadan darat di Pulau Sebatik ditetapkan di sepanjang garisan latitud 4° 10' Utara.

Pada tahun 1983, hasil semakan teknikal dilapangan secara bersama Malaysia-Indonesia telah mendapati terdapat perbezaan antara jajaran sempadan yang direkodkan dilapangan berbanding dengan *Boundary Convention 1891*. Setelah berunding selama 35 tahun, akhirnya satu resolusi dapat disepakati bersama dan diluluskan pada Oktober 2018 bagi penyelesaian persempadanan di Pulau Sebatik untuk mematuhi prinsip konvensyen asal yang termeterai sejak 135 tahun yang lalu. Sehubungan itu, kerja-kerja siasatan, penandaan dan pengukuran semula telah dilaksanakan secara bersama oleh pasukan ukur kedua-dua negara dari bulan Februari hingga November 2019, menggunakan peralatan ukur moden serta teknologi terkini, bagi memastikan jajaran sempadan ditentukan dengan lebih tepat selaras dengan prinsip perjanjian asal.

Penyelesaian penjajaran semula persempadanan di Pulau Sebatik ini telah dibuat secara berpakej dengan penyelesaian penjajaran semula persempadanan di Sg. Sinapad dan Sg. Sesai di mana Malaysia telah memperoleh pertambahan wilayah seluas 780 hektar yang sebelum ini berada dalam wilayah Indonesia, kini berada dalam wilayah Malaysia. Hasil dari penjajaran semula persempadanan di Pulau Sebatik pula, Malaysia memperoleh perluasan wilayah seluas 5 hektar yang sebelum ini berada dalam wilayah Indonesia, kini berada dalam wilayah Malaysia. Manakala kawasan seluas 123 hektar yang sebelum ini berada dalam wilayah Malaysia kini berada dalam wilayah Indonesia.

Pemuktamadan jajaran sempadan ini telah dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dengan Republik Indonesia pada 18 Februari 2025, sekali gus menandakan satu pencapaian signifikan kepada rundingan dan kerjasama teknikal yang telah berlangsung selama lebih 45 tahun. Bagi memastikan kepentingan negeri sentiasa terpelihara dan diutamakan, Kerajaan Negeri Sabah sentiasa dilibatkan secara konsisten dalam setiap peringkat rundingan teknikal dan diplomatik melalui penyertaan wakil-wakil daripada Jabatan Ketua Menteri Sabah, Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah dan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS).

NRES ingin menegaskan bahawa keseluruhan proses ini dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama antara kedua-dua negara, selaras dengan undang-undang antarabangsa serta tidak melibatkan prinsip pampasan, timbal balik atau pertimbangan untung-rugi.

Pemuktamadan jajaran sempadan darat di Pulau Sebatik ini memberikan kepastian dari segi perundangan dan pentadbiran, sekali gus membolehkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, pengurusan keselamatan, perancangan pembangunan serta pengurusan tanah dan sumber dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Melalui pendekatan diplomasi yang berterusan, kedua-dua negara akan terus berusaha menangani isu persempadanan secara berhemah, berpaksikan semangat muhibah dan setiakawan bagi mengekalkan keharmonian serta mengelakkan konflik di lapangan.

Sehubungan itu, pihak media disarankan untuk mendapatkan pengesahan daripada sumber berautoriti sebelum menyiarkan sebarang laporan berkaitan isu sempadan negara bagi memastikan ketepatan serta mengelakkan kekeliruan dan persepsi yang tidak tepat dalam kalangan masyarakat.

**DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**17 APRIL 2026**